



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester I, Sesi Akademik 2012/2013

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus : SJ 4307

Nama Kursus : Undang-Undang Keluarga Islam

Peringkat Kursus : Sarjana Muda

Masa: : 3 jam

Rujukan Dibenarkan

Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam), 1999

Arahan:

Jawab empat (4) soalan sahaja

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

Soalan 1 (15 markah)

Dengan merujuk kepada peruntukan di dalam Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam) 1999, sila jelaskan perkara-perkara berikut dan dalil pensyariatannya:

- a) "fasakh" (3 markah)
- b) "dharar syar'ie" (3 markah)
- c) "nafkah" (3 markah)
- d) "mas kahwin" (3 markah)
- e) "mut'ah" (3 markah)

Soalan 2 (15 markah)

Dengan merujuk kepada peruntukan di dalam Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam) 1999,

- a) Sila jelaskan takrif pertunangan dan dalil pensyariatannya. (5 markah)
- b) Pada 10 Januari 2012, Awang Ahad telah mengadakan majlis pertunangan dengan Zahirah di kampong Sungai Keladi. Majlis pertunangan tersebut dihadiri oleh ketua kampong Sungai Keladi dan ahli keluarganya. Pada tahun yang sama, iaitu pada bulan April mereka akan melangsungkan majlis akad nikah. Awang Ahad telah membelanjakan perbelanjaan semasa pertunangan dengan memberi hadiah-hadiah yang boleh dipakai dan boleh dimakan kepada tunangnya. Selepas dua bulan, Zahirah membatalkan pertunangannya tanpa alasan.

Apakah kesan yang berlaku terhadap perbelanjaan semasa pertunangan?

Sokong jawapan awda dengan peruntukan undang-undang berdasarkan Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam) 1999 dan pendapat ulama'.

(10 markah)

Soalan 3 (15 markah)

Awang Sabtu dan Dayang Mastura telah mengadakan majlis perkahwinan pada 10 Januari 2011. Perkahwinan itu dijalankan di rumah ibu bapa Dayang Mastura di kampong Sungai Tampoi. Selepas 6 bulan perkahwinan mereka, Awang Sabtu bertukar menjadi suami yang panas baran dan pendera. Pertengkaran dalam rumah tangga berlaku semakin kerap dan menyebabkan Dayang Mastura mengalami tekanan emosi. Awang Sabtu mengatakan bahawa dia tidak pernah memukul Dayang Mastura secara keterlaluan. Namun sebaliknya, Dayang Mastura mendakwa bahawa dia rasa terhina dan mengalami lebam-lebam akibat daripada disepak dan ditampar serta didera dengan kata-kata. Dayang Mastura telah menyimpan setiap rekod perubatan tentang rawatan yang dibuat selepas dipukul oleh Awang Sabtu. Pada 29 Januari 2012, Dayang Mastura telah meninggalkan rumah kelamin mereka di Kuala Belait dan kembali ke rumah ibu bapanya di Kampong Sungai Tampoi tanpa mendapat kebenaran daripada Awang Ahad.

Selepas setahun, Dayang Mastura berhasrat untuk mempetisyenkan penceraian atas alasan bahawa Awang Ahad gagal menyediakan nafkah kepadanya selama empat bulan atau lebih dan sering memukulnya ketika dalam tempoh tahun pertama perkahwinan mereka. Dayang Mastura juga berhasrat untuk menuntut nafkah tidak terbayar semasa perkahwinan mereka. Awang Ahad mendakwa Dayang Mastura tidak berhak kepada pembayaran nafkah kerana telah meninggalkan rumah kelamin mereka tanpa alasan dan keizinanannya.

Selesaikan perkara-perkara yang telah didakwa oleh Dayang Mastura dan Awang Ahad. Sokong jawapan awda dengan peruntukan undang-undang Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam) 1999, kes-kes yang telah diputuskan dan pendapat ulama'.

(15 markah)

Soalan 4 (15 markah)

Dengan merujuk kepada peruntukan di dalam Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam) 1999,

- a) Terangkan situasi-situasi di mana hak *hadanah* seorang wanita ke atas anaknya adalah hilang. (5 markah)
- b) Terangkan kelayakan-kelayakan yang perlu untuk penjagaan seseorang kanak-kanak. (5 markah)
- c) Terangkan syarat-syarat dan prosedur permohonan untuk berpoligami. (5 markah)

Soalan 5 (15 markah)

Dengan merujuk kepada peruntukan di dalam Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam) 1999. Sila jelaskan perkara-perkara berikut:

- a) Jenis-jenis pembubaran perkahwinan. (5 markah)
- b) Prosedur permohonan cerai melalui talaq. (5 markah)
- c) Fakta kes dan keputusan mahkamah dalam kes *Hajah Zabaidah Binti Awang Haji Chee Lawan Mohammad Ali Bin Haji Awang Enchi*, MRHS/MAL/BM99/2008. (5 markah)